

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pengguna yang telah berdaftar dengan sistem myIDENTITY serta rancangan untuk meningkatkan keselamatan sistem tersebut daripada penggodaman.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sistem myIDENTITY adalah sistem perkongsian maklumat yang disediakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi kemudahan agensi kerajaan untuk menyemak dan mengesahkan maklumat asas individu bagi tujuan berurusan dengan agensi berkenaan. Pengesahan ini sangat diperlukan bagi mengelakkan penggunaan dokumen palsu dan penipuan dalam mendapatkan perkhidmatan di agensi kerajaan. Keselamatan capaian dan data di dalam Sistem myIDENTITY adalah terjamin dengan pelaksanaan aktiviti pengukuhan keselamatan secara berkala seperti *Security Posture Assessment* (SPA). Sehingga kini, sebanyak 104 agensi kerajaan telah diberi kebenaran untuk menggunakan myIDENTITY.